

→ PENDIDIKAN

PENARAFAN UNIVERSITI MUDA (BAWAH 50 TAHUN)

Empat UA kelompok 25 terbaik dunia

→ UPM, UKM, USM, UTM tersenarai ranking penarafan universiti muda

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Empat universiti awam (UA) mengharumkan nama Malaysia apabila tersenarai dalam kelompok 25 terbaik dunia dalam penarafan universiti muda, iaitu QS Terbaik 50 Di Bawah 50 tahun kali ini.

Universiti Putra Malaysia (UPM) mendahului senarai apabila menduduki tempat ke-15, diikuti rapat Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di tangga ke-16.

Kedua-dua UA itu juga mendapat penarafan lima bintang yang turut diterima Universiti Sains Malaysia (USM).

Universiti penyelidikan termuda negara, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menduduki tem-

pat ke-21, manakala USM di kedudukan ke-23.

Dalam penarafan kali ini, kedudukan UPM meningkat dua anak tangga berbanding penarafan sama pada 2017, manakala UTM naik empat tempat. UKM dan USM pula masing-masing melonjak 10 anak tangga.

Enam kriteria

Penarafan itu membolehkan universiti muda di seluruh dunia menyerlah serta memberi pengiktirafan kepada institusi yang terkehadapan dalam penarafan dunia.

Enam kriteria atau pemberat digunakan sebagai ukuran penarafan, iaitu reputasi akademik, reputasi majikan, sitasi (kejujuran akademik, intelektual, hindari plagiat) penyelidikan/pensyarah, nisbah fakulti/pelajar, nis-

bah pelajar antarabangsa serta nisbah pensyarah antarabangsa.

Senarai penuh dikeluarkan QS menerusi laman www.topuniversities.com, yang menyaksikan Nanyang Technology University (NTU) dari Singapura mengungguli tempat pertama.

Kedudukan kedua ialah The Hong Kong University of Science and Technology, manakala Korea Advanced Institute of Science and Technology kedudukan ketiga.

Tujuh tempat terbaik penarafan kali ini didominasi empat negara iaitu Singapura, Hong Kong, Korea Selatan dan Australia, malah rantau Asia Pasifik menguasai senarai QS Terbaik 50 Di Bawah 50 Tahun 2018.

Kenyataan itu memuji Malaysia kerana empat universitinya meraih tempat dalam kelompok 25 terbaik.

Info

QS

→ **Merujuk Quacquarelli Symonds**, syarikat berpangkalan di Britain ditubuhkan pada 1960 dengan pengkhususan kepada bidang akademik, pengajian luar negara. Ia menerbitkan ranking universiti dunia secara tahunan.